

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-10  
Lokasi : KUALA LUMPUR  
Tarikh : 01-07-1987

Salam sejahtera sekali lagi saya ucapkan kepada saudari-saudari yang berbahagia dan juga ucapan berbanyak terima kasih atas kehadiran saudari-saudari hari ini.

2. Saya rasa tidak terlambat sekiranya saya ucapkan tahniah dan selamat datang kepada ahli-ahli BAKTI yang baru dan tahniah juga kepada ahli-ahli yang mana suami mereka telah naik pangkat dalam rombongan Jemaah Menteri pada bulan Mei lalu.

3. Kepada rakan-rakan yang bersara, bagi pihak ahli-ahli dalam BAKTI, saya rakamkan terima kasih atas usaha-usaha dan sumbangan tenaga mereka dahulu dan kami berharap mereka selamat bersara dalam keadaan sihat walafiat dan bahagia.

Saudari-saudari sekalian,

4. BAKTI berusia 10 tahun pada bulan Mei lalu. Elok sekali jika saya memperingatkan diri saya dan ahli-ahli atas tujuan-tujuan asas yang mendorong Toh Puan Suhailah menubuhkan BAKTI ini 10 tahun dahulu: Pertama: untuk membuat amal bakti kepada masyarakat dalam negara; Kedua: mengumpul isteri-isteri pemimpin negara supaya berkenalan, bermesra dan dengan itu dapat mengembeling tenaga mereka untuk tujuan pertama; dengan itu, perpaduan dan bekerjasama dalam BAKTI amatlah penting; Ketiga: melengkapkan ahli-ahli dengan pengetahuan supaya ahli-ahli bertanggungjawab dengan tugas masing-masing.

5. Memahami tujuan-tujuan ini, amatlah mustahak kita memberi perhatian kepada tujuan-tujuan tersebut, khasnya tujuan kedua, sekiranya BAKTI ingin bergerak dengan cergas dan berkesan. Masih juga terdapat ahli-ahli BAKTI yang kurang menjalankan tanggungjawab masing-masing atau tidak mahu tampil ke hadapan untuk menyertai aktiviti-aktiviti BAKTI, mungkin dengan sebab-sebab yang tulen dan tertentu, tetapi saya berharap tidak ada perasaan-perasaan yang buruk seperti yang biasa dicap kepada persatuan-persatuan wanita.

6. Beberapa program bagi meraikan ulangtahun ke-10 BAKTI telah pun diatur dan saya menyeru kepada ahli-ahli BAKTI dan ahli-ahli Bersekutu supaya menyertainya kerana Jawatankuasa Perayaan bersusah payah mengatur rancangan-rancangan ini dari bulan April lagi.

7. Satu perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai keahlian dalam BAKTI. Bendahari dan Penolongnya telah pun giat mengutip yuran dari ahli-ahli. Untuk memastikan keahlian, kad keahlian akan dikeluarkan setiap tahun kepada ahli-ahli biasa dan bersekutu yang sempurna membayar yuran.

Ini bukan sahaja menyenangkan kutipan yuran tetapi mengenal pasti bilangan ahli-ahli yang sebenar.

8. Saya juga ingin setiap ahli baru dan lama dapat meneliti dan memahami akan setiap perkara di dalam Perlembagaan BAKTI, terutama sekali mengenai Perkara 2 iaitu mengenai 'MATLAMAT BAKTI' dan Perkara 3 mengenai 'Keahlian'.

perlembagaan BAKTI ini dicatat dalam tiap-tiap Laporan BAKTI.

9. Dalam pilihan jawatankuasa tadbir sebentar lagi, saya harap pemilihan akan dibuat dengan baik, supaya Jawatankuasa Tadbir yang baru, terdiri dari ahli-ahli yang bertanggungjawab, jujur dan kuat bekerja. Di harap juga akan ada ahli-ahli yang menawarkan diri untuk memegang sesuatu jawatan kerana inilah cara yang lebih berkesan untuk kemajuan BAKTI. Kita akan menekankan pendekatan terhadap masalah sosial dengan lebih banyak lagi. Masalah penyalahgunaan dadah tidak akan kurang sekiranya orang ramai tidak sentiasa diperingati akan masalah ini dan cara untuk mencegahnya. Kaum belia dan beliawanis yang menganggur akan tertarik kepada dadah sekira tiada menerima bimbingan dan

tiada alternatif yang positif. Masalah-masalah ini perlu dibincangkan oleh Jawatankuasa Tadbir yang baru kelak.

10. Akhir kata, saya amatlah bertuah mendapat kerjasama dan bantuan dari ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir khususnya dari Datin Faridah, Setiausaha Kehormat; Datin Ena, Bendahari Kehormat dan penolong-penolong mereka; dari Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kecil yang bekerja keras menjalankan bidang masing-masing. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berbahagia Toh Puan Norashikin yang mengelolakan beberapa banyak pertandingan badminton dan juga bertanggungjawab mengaturkan beberapa aturcara perayaan ulangtahun yang ke-10 tahun ini dengan ahli-ahli Jawatankuasanya yang sama cekap dan cergas. Tidak lupa juga penghargaan dan terima kasih saya kepada Tetuan Hanafiah Raslan dan Encik Mohamad, Juruodit BAKTI, yang sentiasa memberi nasihat dan meneliti setiap perbelanjaan BAKTI.

11. Ini semua meringankan tugas-tugas saya sebagai Yang Di Pertua. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka ini. Terima kasih juga kepada semua ahli-ahli BAKTI dan ahli-ahli bersekutu BAKTI yang dengan hati yang ikhlas dan rela menentukan setiap mesyuarat dan aktiviti BAKTI berjaya dengan kehadiran dan sumbangan mereka.

12. Akhirnya saya jemput ahli-ahli BAKTI semua supaya dapat menyempurnakan Mesyuarat Agung ini dengan licin dan jayanya.

Sekian, terima kasih.